



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KESAN MODUL MOTIVASI KE ATAS SIKAP KEMATANGAN
KERJAYA DI KALANGAN PELAJAR SEKOLAH
MENENGAH DI SELANGOR DARUL EHSAN**

DEVARAJOO A/L PONNAN

FPP 2002 21

**KESAN MODUL MOTIVASI KE ATAS SIKAP KEMATANGAN
KERJAYA DI KALANGAN PELAJAR SEKOLAH
MENENGAH DI SELANGOR DARUL EHSAN**

Oleh

DEVARAJOO A/L PONNAN

**Tesis ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Master Sains**

September 2002



Abstrak tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian dari syarat-syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains

**KESAN MODUL MOTIVASI KE ATAS SIKAP KEMATANGAN
KERJAYA DI KALANGAN PELAJAR SEKOLAH
MENENGAH DI SELANGOR DARUL EHSAN**

Oleh

DEVARAJOO A/L PONNAN

September 2002

Pengerusi : Profesor Madya Dr. Sidek bin Mohd Noah

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan untuk menguji kesan penggunaan Modul Motivasi dalam meningkatkan sikap kematangan kerjaya di kalangan pelajar sekolah menengah di Daerah Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah reka bentuk '*true experimental*', ujian- pra, ujian-pasca, kelompok kawalan rawak. Subjek kajian terdiri daripada 72 pelajar Tingkatan Empat yang kemudiannya diagihkan kepada tiga kumpulan secara rawak mudah menggunakan prosedur pepadanan.

Tiga kumpulan tersebut ialah kumpulan eksperimen besar yang mendapat rawatan, kumpulan eksperimen kecil yang mendapat rawatan dan kumpulan kawalan tidak mendapat apa-apa rawatan. Kumpulan eksperimen diberikan rawatan menggunakan Modul Perkembangan Kerjaya Bersepadu yang mengandungi lima fasa yang telah diperkenalkan oleh Sidek Mohd Noah. Ketiga-tiga kumpulan

telah diberikan ujian sikap kematangan kerjaya sebelum dan selepas rawatan. Ujian Sikap Kematangan Kerjaya digunakan kerana untuk mengukur tahap kematangan kerjaya seseorang pelajar. Data-data yang diperolehi dianalisis menggunakan ujian-t, dua sampel bersandar dan ANOVA. Ujian ANOVA digunakan untuk menentukan perbezaan kematangan kerjaya antara ketiga-tiga kumpulan yang terlibat dalam kajian ini. Keputusan-keputusan yang diperolehi menunjukkan bahawa Modul Motivasi telah dapat meningkatkan sikap kematangan kerjaya di kalangan pelajar khususnya kumpulan eksperimen besar dan kumpulan eksperimen kecil.

Kesimpulannya dapatan kajian ini menunjukkan betapa perlunya Kementerian Pendidikan Malaysia memperkenalkan Pendidikan Kerjaya sebagai satu mata pelajaran dalam kurikulum sekolah sebagai satu usaha untuk membantu perkembangan dan kematangan kerjaya pelajar. Sehubungan dengan keputusan kajian yang diperolehi beberapa implikasi dan cadangan telah dikemukakan.

Abstract of thesis submitted to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of partial requirements for the
Degree of Master of Science

**THE EFFECT OF THE MOTIVATIONAL MODULE IN INCREASING
THE CAREER MATURITY ATTITUDE AMONGST
SECONDARY SCHOOL STUDENTS IN
SELANGOR DARUL EHSAN**

By

DEVARAJOO A/L PONNAN

September 2002

Chairman : Associate Profesor Dr. Sidek Bin Mohd Noah

Faculty : Educational Studies

The purpose of this study was to test the effect of the Motivational Module in increasing the career maturity attitude amongst secondary school students in Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan. The design used in this study was the true experimental, pre-text, post-text randomised control group design. The subjects of this study were 72 Form Four students who were divided into three groups using simple random sampling, matching procedure.

The groups were an experimental group which was given the treatment using small group procedures, another experimental group which was the treatment using big or mass procedures and lastly, the control group not given any treatment. The experimental groups were given the treatment using the five-



phase Integrated Career Development Module formulated by Sidek Mohd Noah. All three groups were given the maturity attitude test before and after the treatment. Career Maturity Attitude Test used because it is suitable for measure career maturity amongst the students. The data collected were then analysed using the two-sample dependent t-test and ANOVA. The ANOVA is being used to determine the different career maturity between the three groups participating in the study. The result of this study showed that the Motivational Module was effect in increasing career maturity attitude among the students especially treatment using big or mass group procedures and small group procedures.

In conclusion, these findings demonstrate the need for the subject of Career Education to be formally introduced in the school curriculum by the Ministry of Education Malaysia as an effort to assist in the development and career maturity of students. Pertaining to the research findings, several implications and recommendations were put forward.

PENGHARGAAN

Saya bersyukur ke hadrat Tuhan yang telah memberi saya kesabaran dan kekuatan dalam menyempurnakan kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya ditujukan kepada Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan saya, Profesor Madya Dr Sidek Mohd Noah selaku penyelia yang telah memberi nasihat dan pandangan yang membina untuk kajian ini. Tidak dilupakan juga jasa baik ahli jawatankuasa penyelia bagi kajian ini Dr Bahaman Abu Samah, dan Dr Mohamed Fadzil Che Din kerana telah memberi bimbingan dan sokongan sehingga selesai penulisan ini.

Ucapan terima kasih juga ingin saya hulurkan kepada semua pensyarah Bimbingan dan Kaunseling, Pensyarah Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia ke atas ilmu dan khidmat nasihat yang diberi.

Penghargaan ini tidak lupa saya tujukan kepada Tuan Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Muda Musa, Batang Berjuntai serta guru-guru yang telah memberikan kerjasama kepada saya semasa menjalankan kajian ini. Tidak lupa juga kepada pelajar yang terlibat dan menjadi subjek kajian saya seterusnya teman-teman seperjuangan yang telah memberi apa juga bentuk sokongan khususnya kepada saudara En Sures Kumar, En Karuthan, dan En Santhiran yang telah membantu menganalisis data melalui SPSS/PC serta pegawai-pegawai yang bertugas di Jabatan Siswazah yang sentiasa memberikan kerjasama sepanjang pengajian saya.



Akhir sekali jutaan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada isteri tercinta, Revathi a/p Krishna Samy dan ibu bapa saya yang sentiasa memberi dorongan, kerjasama dan mendoakan kejayaan saya

Devarajoo A/L Ponnar,
Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan

KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	vi
PENGESAHAN	viii
PENGAKUAN	x
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi

BAB

I	Pengenalan Kajian	
	Pengenalan	1
	Latar Belakang Kajian	1
	Pendekatan Teori	9
	Teori Perkembangan Kerjaya Super	9
	Pernyataan Masalah	15
	Objektif Kajian	19
	Objektif Am	19
	Objektif Khusus	19
	Kepentingan Kajian	20
	Definisi Operasional Pembolehubah	21
	Modul Motivasi	21
	Sikap Kematangan Kerjaya	22
	Kumpulan Rawatan	23
	Kumpulan Kawalan	24
	Ujian-Pra	24
	Ujian-Pasca	24
	Pelajar	25
	Hipotesis Kajian	25
	Hipotesis Umum	25
	Rumusan	27
II	SOROTAN LITERATUR	
	Pengenalan	28
	Keberkesanan Modul Motivasi	28
	Sikap Kematangan Kerjaya	38
	Kesimpulan	48
	Rumusan	50



III	METOD KAJIAN	
	Pengenalan	51
	Reka bentuk Kajian	51
	Rasional Memilih Reka Bentuk	51
	Alat Kajian	53
	Bahagian A	53
	Bahagian B	53
	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	56
	Kesahan	57
	Kandungan	57
	Kriteria	57
	Gagasan	59
	Kebolehpercayaan	59
	Rawatan	61
	Ancaman-Ancaman Kepada Kesahan Sesuatu Kajian	63
	Ancaman Kepada Kesahan Dalaman	64
	Sejarah	64
	Pematangan	65
	Kesan Pra-Ujian	66
	Kesan Mortaliti	66
	Ancaman Kepada Kesahan Luaran	67
	Kesan Ekologi	68
	Kesan Hawthone	68
	Pembolehubah Ekstranus	69
	Pemarkatan Ukuran Sikap	70
	Tempat Kajian	71
	Subjek Kajian	71
	Populasi	71
	Sampel Kajian	72
	Tatacara Kajian	73
	Penganalisan Data	74
	Rumusan	76
IV	KEPUTUSAN KAJIAN	
	Pengenalan	78
	Dapatan Kajian	79
	Bahagian A	79
	Bahagian B	82
	Rumusan Keputusan Kajian	87
	Rumusan	89
V	PERBINCANGAN, IMPLIKASI, APLIKASI, DAN CADANGAN	
	Pengenalan	91
	Perbincangan	91
	Implikasi Teoritikal Kajian	94
	Implikasi Ke atas Pelajar Sekolah	96
	Implikasi Ke Atas sekolah	98

Implikasi Ke Atas Kementerian Pendidikan Malaysia	100
Aplikasi Keputusan	101
Batasan Kajian Dan Cadangan Kajian	102
Batasan Kajian	102
Cadangan Kajian	104
Rumusan	108

BIBLIOGRAFI	109
--------------------	-----

LAMPIRAN

- A Surat Kebenaran
- B Soal Selidik Sikap
- C Jawapan Soal Selidik Sikap

LATAR DIRI

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1 Skala Sikap Kenatangan Kerjaya 5 dimensi	23
2 Rekabentuk Kajian Eksperimen Ujian-Pra & Ujian-Pasca Kelompok Kawalan Rawak	52
3 Klasifikasi Item-Item dalam Ujian Sikap, Screening Form - 2	54
4 Kesahan Kriteria Untuk Skala Sikap	58
5 Pekali Ketekalan Dalam Ujian Sikap	60
6 Pekali Kebolehpercayaan Modul Perkembangan Kerjaya Bersepadu	63
7 Tatacara Pemilihan Sampel Kajian	73
8 Pemilihan Statistik Berasaskan Skala Pengukuran Mengikut Tuckman	77
9 Keputusan Analisis Ujian-t Secara Keseluruhan	79
10 Keputusan Analisis Ujian-t	82
11 Keputusan Analisis Ujian ANOVA	83
12 Keputusan Analisis Ujian ANOVA	84
13 Keputusan Analisis Ujian <i>General Linear Model</i>	85
14 Keputusan Ujian <i>Post Hoc Multiple Comparisons Bonferroni</i>	86
15 Rumusan Keputusan Keseluruhan	89

SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
1 Hubungan Ujian Dengan Individu	6
2 Model Kaunseling Kerjaya Bersepadu	7
3 Hubungan Jenis Perseonaliti Dengan Jenis Pekerjaan	11
4 Peringkat Penerokaan	13
5 Model Keselarasan Terbaik Kerjaya	35
6 Hubungan Min Skor Ujian Pra-Pasca	85

SENARAI SINGKATAN

dk	darjah kebebasan
ak	aras keertian
SP	Sisihan Pawai
H_0	Hipotesis Nol
H_A	Hipotesis Alternatif
>	Lebih besar daripada
<	Lebih kecil daripada
t	Ujian-t
p	Signifikan
n	Jumlah bilangan
SPSS / PC	Statistical Package for Social Sciences Programme Computer
PMR	Sijil Penilaian Menengah Rendah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
TAT	Thematic Apperception Scale
SAS	Smith Achievement Scale
CAS	Children Achievement Scale

BAB I

PENGENALAN KAJIAN

Pengenalan

Dalam Bab ini akan dibincangkan tentang latar belakang kajian, pendekatan teori-teori yang berkaitan dengan kajian serta pernyataan masalah yang menjelaskan mengapa kajian ini perlu dijalankan. Di samping itu diperjelaskan juga mengenai tujuan dan kepentingan kajian ini serta memberikan definisi operasional pembolehubah beberapa perkataan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Akhirnya menyatakan kajian ini dalam bentuk hipotesis mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan tajuk yang dikaji.

Latar Belakang Kajian

Menurut Gysbers (1987) dalam kurun ke-21, dunia iaitu tempat kita hidup dan bekerja menjadi semakin kompleks. Ledakan teknologi terus menerus memberikan kesan ke atas keadaan dan struktur dalam berbagai bidang termasuk perniagaan, industri dan pekerjaan. Perubahan-perubahan ini memberi kesan ke atas kita sebagai individu dan ahli masyarakat. Perubahan-perubahan ini juga akan penting kepada

anak-anak remaja kita yang berumur 17 tahun semasa membuat pemilihan kerjaya mereka. Perubahan-perubahan ini juga menuntut peningkatan kemahiran khidmat bantu yang boleh diberikan oleh ibu bapa, guru-guru, dan paling utama adalah kaunseling pelajar sendiri.

Pemilihan kerjaya adalah satu proses yang berterusan bermula dari persepsi kanak-kanak terhadap dunia pekerjaan dan kemudiannya berkembang hingga ke peringkat remaja dan awal dewasa. Pada peringkat awal umur, seseorang itu mempunyai berbagai-bagai pilihan kerjaya dan pendiriannya tidak tetap mengenai sesuatu kerjaya yang dipilih sehinggalah sampai ke satu peringkat umur, barulah ia dapat membuat sesuatu keputusan kerjaya yang agak tepat dan tetap.

Mengikut Tolbert (1974), setiap keputusan yang dibuat itu dipengaruhi oleh berbagai-bagai faktor termasuklah pengaruh orang lain, keadaan-keadaan serta keperluan semasa dan kebolehan serta minat seseorang itu. Manakala mengikut Parson (Crites, 1969) pemilihan kerjaya adalah satu keputusan yang paling penting dalam masa kehidupan, apabila individu mula memikirkan untuk memasuki dunia pekerjaan. Keputusan yang dibuat dalam pemilihan sesuatu kerjaya bukan sahaja akan menentukan jenis pekerjaan yang akan disandang kelak malah ia juga menentukan gaya hidup serta corak kehidupan masa depan seseorang kelak.

Oleh yang demikian sebelum sesuatu keputusan diambil untuk menentukan bidang kerjaya mana yang harus dipilih, adalah wajar individu itu mengetahui latar belakang pekerjaan, mempertimbangkan apakah minatnya, kebolehan dan kemampuannya terhadap kerjaya yang dipilih. Keputusan pilihan tersebut hendaklah

selaras dengan hal-hal ini supaya tidak menimbulkan masalah bagi individu sama ada dalam merealisasikan atau semasa menjalankan pekerjaan yang dipilih. Keputusan yang tepat semasa membuat pemilihan pekerjaan akan melahirkan kepuasan dan motivasi kepada seseorang terhadap pekerjaan yang dilakukan. Ini secara langsung akan meningkatkan produktiviti tempat seseorang itu bekerja.

Memandangkan proses pemilihan kerjaya bukanlah satu peristiwa yang berlaku sekali sahaja dalam seumur hidup bahkan menurut Tolbert (1974) pemilihan kerjaya ini berterusan bermula dari peringkat kanak-kanak lagi dan terus berkembang ke peringkat awal dewasa dan dewasa. Oleh itu apabila sampai ke peringkat sekolah menengah atau secara umumnya di peringkat remaja, mereka telahpun memikirkan secara serius tentang kebebasan diri dan kesedaran berdepan dengan cara memasuki dunia pekerjaan. Keputusan pemilihan kerjaya yang diambil semasa di peringkat remaja berkait rapat dengan pengalaman-pengalamannya tentang sesuatu pekerjaan, seterusnya mempengaruhi masa depan seseorang apabila ia telah benar-benar memasuki dunia pekerjaan (Temperly, 1974).

Secara umumnya motivasi ialah proses atau faktor-faktor yang mempengaruhi manusia untuk bertindak. Ahli-ahli psikologi melihat motivasi sebagai satu proses di mana ia boleh membangkitkan tingkah laku, mengekalkan tingkah laku ke arah tertentu dan menyalurkan tingkah laku. Tingkah laku bermotivasi biasanya diarahkan kepada sesuatu matlamat (Lawler, 1980). Menurut Atkinson (1978) pula, tingkah laku yang berorientasikan matlamat ditentukan oleh dua faktor utama. Pertama, jangkaan bahawa sesuatu perlakuan akan menuju kepada matlamat dan kedua ialah nilai insentif matlamat itu.

Menurut pandangan ahli teori behavioristik, motivasi tidak akan wujud tanpa matlamat. Sehubungan itu semakin kuat keinginan seseorang itu untuk mencapai matlamatnya, semakin besar pula kemungkinan seseorang itu mencapai matlamat tersebut (dalam Sidek Mohd Noah, 1996). Menurut Sidek Mohd Noah (1993) pula, motivasi berasal dari dua kata kunci iaitu *motive* dan *action*. Motif adalah matlamat sementara aksi pula adalah usaha yang dicurahkan untuk mencapai matlamat tersebut.

Kematangan kerjaya adalah satu aspek yang penting dalam perkembangan kerjaya seseorang individu. Mengikut Crites (1978b), individu yang mempunyai kematangan kerjaya adalah individu yang mempunyai kesedaran diri dan kesedaran kerjaya. Seseorang yang mempunyai kesedaran diri ialah individu yang dapat mengenali diri sendiri dengan lebih mendalam dari aspek-aspek seperti kebolehan diri sendiri, minat, dan personaliti diri. Kesedaran kerjaya merujuk kepada kesedaran individu mengenai pelbagai bidang pekerjaan. Untuk menentukan kesedaran kerjaya, perhatian ditumpukan kepada pengetahuan, sikap sosial, pengalaman peribadi dan cara bagaimana seseorang menjelaskan tentang kerjaya dan pekerjaan. Dengan adanya kesedaran diri, seseorang itu akan mengenali dirinya dengan lebih pasti. Kepastian tentang dirinya membentuk personaliti yang matang dan ini membawa kepada kematangan kerjaya.

Super (dalam Tolbert, 1974) telah mendefinisikan kematangan kerjaya adalah keselarasan dalam tingkah laku kerjaya individu dan tingkah laku kerjaya yang dijangkakan mengikut tahap usia yang tertentu. Tahap kematangan seseorang individu itu dapat ditentukan dengan melakukan perbandingan antara tingkah laku

kerjaya individu dengan tingkah laku kerjaya individu lain yang mempunyai usia yang sama. Dengan kata lain, kematangan kerjaya adalah berkait-rapat dengan tahap usia dan juga tahap perkembangan seseorang individu.

Super telah mengemukakan berbagai soalan untuk dimensi kematangan kerjaya. Antaranya ialah kebimbangan terhadap pilihan iaitu sejauhmanakah seseorang itu sedar tentang perlunya pilihan-pilihan kurikulum di sekolah menengah. Di samping itu, faktor-faktor yang berhubung dengan pilihan kerjaya juga dilihat seperti ciri-ciri peribadi dan ciri-ciri pekerjaan yang dirancang.

Persoalan seterusnya ialah penerimaan tanggungjawab bagi pilihan dan perancangan iaitu melihat sama ada pelajar sanggup menerima tanggungjawab dalam pilihan kerjayanya. Adakah ia sanggup menerima tanggungjawab untuk membuat rancangan pendidikan yang menjurus kepada kerjaya? Adakah ia menerima tanggungjawab membuat perancangan kerjayanya?


Super juga menegaskan bahawa perancangan spesifik bagi pekerjaan yang dipilih. Adakah pelajar itu mendapat maklumat perancangan di sekolah dan sejauhmana rancangan itu dibuat? Adakah ia mengambil langkah-langkah untuk mendapatkan maklumat bagi rancangan selepas persekolahan dan mempunyai rancangan alternatif atau terus menceburkan diri dalam dunia kerjaya?

Super juga mengemukakan persoalan mengenai maklumat spesifik mengenai pekerjaan yang dipilih iaitu melihat sejauhmana pelajar itu didedahkan dengan keperluan pendidikan, latihan, ekonomi, psikologikal kerjaya yang dipilih. Ia juga

berkaitan dengan keperluan pengetahuan kerjaya, suasana tempat kerja dan peluang-peluang yang disediakan

Persoalan terakhir dari Super ialah penggunaan sumber dan orientasi iaitu melihat sejauhmana penggunaan sumber-sumber seperti agensi pekerjaan, kaunselor pelajar, guru-guru dalam mengorientasikan dirinya dalam dunia pekerjaan

Sehubungan dengan itu Sidek Mohd Noah (1988: 8), telah menggunakan gambarajah dalam mengaitkan hubungan antara ujian dengan individu. Hubungan itu adalah seperti Rajah 1



Rajah 1 Hubungan Ujian dengan Individu
Sumber Sidek Mohd. Noah (1988: 8)

Daripada Rajah 1, individu A iaitu individu yang mendapat maklumat data diri yang jelas melalui ujian-ujian personaliti, minat, nilai dan pencapaian selalunya

mempunyai arah dan matlamat yang jelas Berpandukan arah dan matlamat yang jelas individu itu tahu bidang pekerjaan dan akademik yang mana ia patut terokai selaras dengan potensi yang pada dirinya Individu tentunya akan lebih bermotivasi dan gembira dengan pilihannya

Sebaliknya pula individu B dan C adalah individu yang tidak mengambil ujian dan mereka ini selalunya memperolehi maklumat dan data yang kabur dan tidak jelas (individu B) atau dalam kes-kes yang ekstrim individu langsung tidak pasti dan ragu-ragu tentang dirinya (individu C) Mereka ini mempunyai banyak matlamat langsung (individu C) Oleh yang demikian, mereka ini selalunya kurang bermotivasi atau boleh jadi tiada motivasi untuk mencapai matlamat hidup (Sidek Mohd Noah, 1992)

Berdasarkan maklumat dan pandangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa individu yang bermotivasi pencapaian tinggi mempunyai kecenderungan untuk mencapai matlamat yang diinginkan serta berusaha untuk mencapai kepuasan melalui pemilihan bidang kerjaya yang bersesuaian dengan minat, nilai, personaliti dan kebolehannya Kaedah yang ditekankan melalui kajian ialah merujuk kepada Model Kaunseling Kerjaya Bersepadu yang dikemukakan oleh Sidek Mohd Noah (1992) seperti yang ditunjukkan pada Rajah 2

FASA 1	FASA 2	FASA 3	FASA 4	FASA 5
KENAL DIRI *	BINA MATLAMAT <<<< Motivasi Dalam >>>>	BERI MOTIVASI < Motivasi Luaran >	TEKNIK ASAS	TEKNIK LANJUTAN
Personaliti Nilai Minat Pencapaian	Perancangan Kerjaya Hala Tuju Plan Tindakan	Ceramah Kursus Motivasi Bengkel	Belajar Membaca Menjawab soalan Menulis Nota	Menulis Resume Temuduga
* Nota Meneroka Kekuatan dan Kelemahan Diri				

Rajah 2 Model Kaunseling Kerjaya Bersepadu
Sumber Sidek Mohd Noah (1992)

Melihat kepada perspektif masa kini, kebanyakan pelajar agak kabur tentang keupayaan diri dengan minat dan kesesuaian pemilihan kerjaya masa depannya. Begitulah keadaannya dengan pelajar sekolah yang berada di Tingkatan Empat di mana mereka kurang jelas tentang minat, nilai, personaliti serta kebolehan mereka dalam pemilihan mata pelajaran yang menjurus ke arah kerjaya yang sesuai bagi masa depan mereka. Pemilihan mata pelajaran elektif pula adalah dianggap penting selain daripada mata pelajaran teras semasa di Tingkatan Empat. Justeru itulah maka pengkaji berminat untuk menjalankan kajian tentang keberkesanan modul motivasi terhadap sikap kematangan kerjaya pelajar Tingkatan Empat di sekolah pengkaji berkenaan.

Berasaskan Model Kaunseling Kerjaya Bersepadu, pengkaji akan memfokus kepada keberkesanannya ke atas sikap kematangan kerjaya pelajar dari Fasa 1 hingga Fasa 5 daripada keseluruhan lima fasa yang disarankan. Fasa 1 adalah berkaitan dengan mengenalpasti potensi individu dari segi kekuatan dan kelemahan diri